



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Advanced Level
Higher 3

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9921/2

Kertas 2

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

SPECIMEN PAPER

Paper 2

With effect from 2026 examination

1 hour 45 minutes

Additional materials: Answer Booklet

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman kosong.



Singapore Examinations and Assessment Board

Arahan: Jawab **dua** soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A
SULALATUS SALATIN (SEJARAH MELAYU) DAN CERPEN PILIHAN

- 1 Dengan merujuk Bab II dalam Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), cerakinkan hubungan antara mahkota Seri Teri Buana dengan ribut di tengah laut yang melanda bahtera baginda. Buktikan bahawa Seri Teri Buana memang ditakdirkan untuk membuka penempatan sekaligus menjadi raja di Singapura dengan memberikan bukti-bukti daripada teks. (25 markah)

- 2 Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) merupakan sebuah teks tradisional yang plotnya ditulis secara konvensional. Huraikan plot Bab III yang melibatkan kerajaan Majapahit dan Singapura. Bincangkan cara kedua-dua kerajaan ini menyampaikan perutusan masing-masing dengan tujuan untuk menunjukkan kekuatan mereka. (25 markah)

- 3 Cerpen *Ke Mana Hati Hendak Kubawa* karya Fuad Salim menggunakan watak-watak binatang untuk menjelaskan persoalan-persoalan yang dihadapi oleh manusia. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang relevan dalam cerpen tersebut. (25 markah)

- 4 Cerpen *Kembalilah Mama* karya Maya menepati ciri-ciri sebuah cerpen yang padat, ringkas dan jelas tetapi mempunyai pengajaran yang bernilai. Bincangkan. (25 markah)

BAHAGIAN B
ANALISIS TEKS

- 5 Ulas sajak di bawah ini secara kritikal. Sejauh manakah penyajak berjaya menyampaikan mesej sajak ini? (25 markah)

Siswazah

Dia itu siswazah
yang menggondong ijazahnya
menghitung untung laba
jenis kereta darjat isteri bakal diperisterikannya
berjalan-jalan melihat rumah kondو
atau rumah banglo di tepi istana
merancang-rancang warna langsir
dan bentuk pelaminnya.

Dia itu seorang siswazah
yang seharusnya memikul beban
dan melangsaikan hutang
biasiswa rakyat yang dibelanjakannya
dia itu harus melunas hutang
maruah bangsa yang memerlukan campurtangannya
dia itu harus usah lupa
kerut derita pipi ayah dan airmata
ibu tua yang meminta-minta saban ketika
semata-mata untuk mengijazahkannya.

Di malam dingin
dia terlupa dan asyik mengira
gaji dan ganjaran bakal diterima
dengan isteri cantik jelita
dia lupa subuh tidak lagi menjelma
dan malam segelita-gelitanya
buat anak bangsa.

(Dipetik daripada "Siswazah" oleh Mohamed Latiff Mohamed dalam *Bila Rama-Rama Patah Sayapnya: Puisi Pilihan 2002-2006*, Angkatan Sasterawan '50, Singapura, 2007.)

- 6 Ulas watak Orang itu dan Angin dalam petikan cerpen di bawah ini secara kritikal. Bagaimanakah watak-watak ini mempengaruhi persoalan yang ingin disampaikan dalam petikan cerpen tersebut? (25 markah)

Orang itu menarik nafas panjang dan bisiknya:

“Mudah-mudahan orang lekas insaf, dan banjir tidak akan berulang lagi.”

Ketika mendengar ini sang angin menjadi tertawa terbahak-bahak, lalu berkata:

“Tapi cuba kau tengok di sana. Meskipun banyak orang yang menderita, tetapi banyak pula orang yang gembira, ketawa, mabuk. Mereka ke sana-sini menghabiskan duit tidak tentu tujuan. Mereka tidak peduli lain-lain hal. Seolah-olah mereka hidup di dalam dunia yang lain, yang makhluknya semua sama seperti mereka. Senang dan gembira selama-lamanya. Dan mari kita terbang di atas panggung wayang!”

“Aku tidak mahu ke sana. Aku mahu cari kerja!” rintih orang itu lagi.

Sang angin tidak menghiraukan juga rintihannya, malah melarikan dia dengan kencangnya. Orang itu jadi ketakutan, lalu teringat dia kepada Tuhan. Maka berdoalah dia di dalam hatinya. Minta diselamatkan dari mala petaka yang sedang dihadapinya.

“Tengok itu! Orang tidak henti-henti juga keluar-masuk panggung. Cuba kau perhatikan pakaian mereka. Tidak ubah seperti pakaian kau jugak bukan? Dadanya tidak ditutup. Betisnya tidak ditutup, dan pakaiannya jarang pula.”

“Kenapa perempuan itu membuat pakaian begitu? Bukankah mereka itu orang kaya. Orang senang!” sampuk orang itu tiba-tiba.

“Kau sudah lupa apa yang aku katakan tadi; bahawa umat di dunia ini sudah tidak menghiraukan segala larangan Tuhan. Mereka sudah gila! Mereka sudah edan! Dan mereka harus dibinasakan!”

Mendengar ini orang itu jadi mengetap-ngetapkan bibirnya, seperti orang yang berhadapan dengan lawannya. Tetapi lama-lama mukanya jadi pucat, bibirnya jadi biru dan perutnya memulas-mulas. Hatinya geram pada sang angin yang tidak mahu menurunkan dia ke bumi. Dendamnya terlalu besar terhadap sang angin. Namun demikian kemarahannya tidak ditunjukkan pada angin, kerana dia takut angin melepaskan dirinya ke bawah. Pandangannya dibuangkan ke bawah, tetapi dengan sebentar pula ia memandang ke atas balik. Dalam hatinya berkata:

“Alangkah tingginya aku sekarang! Kalaulah aku jatuh ke bawah, hancurlah segala tulang-tulangku. Dan tentu anak-isteriku akan menangis aku yang telah jadi arwah. Dan alangkah susahnyanya mereka bila hendak memandikan tubuhku, yang sudah jadi bersepai.” Kemudian kedua belah tangannya ditutupkan ke mukanya. Sekali lagi dia teringat kepada Tuhan, lalu memohon keselamatan.

“Cuba kau perhatikan di sana itu, tengok orang-orang itu mengadakan pertunjukan dan jamuan dengan percuma. Tengok orang-orang kaya dan miskin, semuanya bercampur dengan mesra,” kata angin pula.

“Kenapa orang-orang itu baik-baik, dan murah hati memberi makan orang-orang ramai. Tidakkah mereka rugi?” tanya orang itu.

“Tentu! Tentu! Orang itu rugi, tetapi kalau orang-orang seperti kau semua sudah mengundi dia dan nanti kalau dia dapat kerusi, segala kerugiannya dapat ditebusnya semula,” jawab angin.

“Oh! Begitu,” kata orang itu sambil mengangukkan kepalanya.

Kemudian bau nasi dan daging meresap ke dalam hidungnya, lalu dia mengecapkan bibirnya, dan dari mulutnya keluar air liur. Kemudian bisiknya, “Alangkah lazatnya, kalau aku dapat makan bersama-sama mereka.”

Mendengar percakapan ini, sang angin jadi marah:

“Ah! Manusia, baru nasi dan daging sahaja, mereka jadi lupa pada dirinya. Mereka rela menjual dirinya dengan harga yang murah. Mereka tidak berfikir dulu, adakah orang yang mereka akan undi itu sebenar-benarnya wakil mereka atau tidak. Sayang! Sayang! Mereka tidak menggunakan fikirannya.”

“Tapi kalau perut sudah lapar, mestikah aku menolak rezeki itu. Dan mestikah aku menekan perutku lagi?” rungut orang itu.

“Sekarang bukan zaman mementingkan diri sendiri!” kata angin dengan marah, lalu membawa orang itu tinggi lagi meninggalkan tempat itu.

Orang itu jadi kecut perutnya. Kedua-dua belah tangannya di kepalanya. Dan ketika itu dia teringat lagi akan anak-isterinya di rumah. Sang angin terus membawa dia terbang dengan tidak menghiraukan akan kebimbangannya. Dia terus membawa terbang dengan lajunya. Dan ketika itu datang satu letupan dari bawah.

“Angin! Ke mana kau bawa aku sekarang? Tengok orang-orang di bawah menembak aku,” sebut orang itu dengan cemas. “Sekarang kau dalam kawasan larangan. Tengok orang-orang itu sedang mengacukan senapangnya lagi ke arah kau. Lekas buka baju kau! Mereka nampak tampalan-tampalan di baju kau seperti cap sabit dan hamar. Lekas buka!”

“Bukan. Aku bukan musuh. Aku kawan!” pekik orang itu dengan sekuat-kuat hatinya, sambil membuka bajunya. Tetapi belum sempat dia membuka bajunya, satu letupan berbunyi. Dan letupan itu tepat mengenai badannya. Maka orang itu pun jatuh terguling-guling ke bawah sambil memekik-mekik.

“Angin tolong! Tolooooong!”

Kemudian orang itu dapatinya dirinya di bawah pangkinnya dan di sebelahnya isterinya sedang mendukung anaknya. Matanya terbeliak memerhatikan ia dengan mulut ternganga lebar. Kemudian ia memerhatikan isterinya sambil memicit-micit kepalanya yang terbanting di atas lantai.

“Ada apa? Ada apa?” tanya isterinya dengan hairan.

Dia tidak terus menjawab, tetapi dia memandang keliling dan tangannya meraba-raba lantai rumahnya. Kemudian lambat-lambat dia membuka mulutnya: “Aku di tepi laut tadi . . .”

“Siang-siang sudah mimpi. Tu lekas si Kasan sudah tunggu di luar, ajak nampal kertas pilihan raya.”

(Dipetik daripada “Terbang dengan Angin” oleh Suratman Markasan dalam *Api yang Membara* yang disunting oleh Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz, Yazid Bin Hussein dan Muhammad Irwan Bin Jamal, Angkatan Sasterawan '50, Singapura, 2011.)

Selesai

BLANK PAGE

BLANK PAGE

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

- Q5 “Siswazah” oleh Mohamed Latiff Mohamed dalam *Bila Rama-Rama Patah Sayapnya: Puisi Pilihan 2002-2006*, Angkatan Sasterawan '50, Singapura, 2007
- Q6 “Terbang dengan Angin” oleh Suratman Markasan dalam *Api yang Membara* yang disunting oleh Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz, Yazid Bin Hussein dan Muhammad Irwan Bin Jamal, Angkatan Sasterawan '50, Singapura, 2011.

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.